

NO. SOALAN: 400

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**RUJUKAN : 10134**

**SOALAN :**

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak yang telah memohon untuk kewarganegaraan sejak 2012 (dari tahun ke tahun) dan bilangan permohonan yang telah diluluskan atau ditolak dan alasan-alasannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima 48,190 permohonan kewarganegaraan bagi individu berumur 21 tahun dan ke bawah yang mana sebanyak 1,997 permohonan telah diluluskan dari tahun 2012 hingga 30 Jun 2017 tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan yang mana beban untuk membuktikan kelayakan adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.